

26 DEC 2001

Mahathir-Dukacita

DR MAHATHIR DUKACITA LAPORAN AKHBAR

PUTRAJAYA, 26 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa dukacitanya terhadap tindakan sebuah akhbar menyiarkan berita semalam kononnya ada percubaan untuk membunuh beliau dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya berasa sedih dan dukacita ada orang membuat laporan yang sensasi yang akan mempunyai kesan terhadap ekonomi negara," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata berikutan laporan itu, orang asing kini akan berpendapat bahawa di Malaysia terdapat pengganas yang menjadikan seseorang itu sasaran mereka.

"(Sedangkan) ini bukan keadaan di Malaysia," katanya kepada pemberita selepas rakaman perutusan Tahun Baru untuk RTM di pejabatnya di sini.

Dr Mahathir berkata beliau sendiri tidak mendapat sebarang maklumat mengenainya dan sepatutnya akhbar berkenaan memberitahu polis terlebih dahulu mengenai sebarang komplot membunuh sesiapa sebelum menyiarkan laporan.

Adalah menjadi tanggungjawab akhbar itu untuk memberitahu polis dan bukannya menjadi tanggungjawabnya pula untuk mensensasikan berita bila tidak ada bukti yang kukuh, katanya.

Dr Mahathir berkata jika beliau sendiri melihat seseorang membawa pistol, beliau tidak akan catat dan tulis dalam akhbar yang "hari ini saya tengok seorang bawa pistol untuk membunuh orang lain."

"Itu bukan caranya," katanya dan tindakan yang sewajarnya ialah untuk membuat laporan polis supaya langkah penangkapan boleh diambil.

"Tetapi ini tidak...(dilakukan). Yang diutamakan ialah macam mana hendak jual suratkhbar dengan melaporkannya secara sensasi," katanya.

Sementara itu akhbar berkenaan, The Sun, ketika dihubungi memberitahu bahawa Ketua Pengarang Beritanya Robert Ho telah dipanggil berjumpa dengan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Aseh Che Mat mengenai perkara itu.

Ketika ditanya mengenai isu lain, Perdana Menteri berkata kerajaan akan membenarkan keluarga bekas gabenor wilayah autonomi Islam Nur Misuari melawatnya dalam tahanan.

Misuari bersama enam orang lagi ditangkap di Pulau Jampiras, Sabah, pada 24 Nov lepas kerana memasuki Malaysia secara haram dari Jolo, Selatan Filipina selepas didakwa cuba melancarkan pemberontakan terhadap Manila.

Kuala Lumpur dan Manila kini dalam rundingan untuk menghantar balik Misuari ke Filipina yang dijangka tidak lama lagi.

"Saya membaca dalam akhbar hari ini bahawa keluarganya berada di sini. Saya tidak nampak kenapa mereka tidak boleh berjumpa dengannya kerana dia bukan banduan dalam erti kata sebenarnya, dia hanya tidak mempunyai dokumen perjalanan dan seperti yang kita tahu pendatang tanpa izin ditahan oleh kerajaan dan tempoh berapa lama (dia akan ditahan di sini) tidak ditetapkan," katanya.

Mengenai dakwaan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) minggu lepas bahawa pelajar sekolah diasingkan mengikut kaum, Perdana Menteri berkata semua pihak patut berhati-hati semasa membuat kenyataan yang boleh membangkitkan sentimen perkauman.

"Walaupun kita bebas memperkatakan mengenai isu seperti ini, kita perlu ingat bahawa sebelum kita mula memperkatakannya kita perlu mendapatkan fakta sebenarnya supaya kita tidak akan menjadi emosional.

"Dan dengan membincangkannya tanpa fakta-fakta itu mungkin akan

menimbulkan rasa tidak senang di kalangan pelbagai bangsa di negara ini,"  
katanya.

-- BERNAMA

SR MFJ RON